

BNM terbitkan kertas perbincangan kawal selia fintech

UTUSAN 30/7

KUALA LUMPUR 29 Julai - Bank Negara Malaysia (BNM) mengeluarkan kertas perbincangan mengenai pendekatan pengawalseliaan fintech (Sandbox) untuk menggalakkan lagi inovasi dan menambah baik penyampaian perkhidmatan kewangan.

Pengerusi Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (FTEG), Aznan Abdul Aziz berkata, Sandbox merupakan kaedah pengaw-



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

alseliaan yang penting bagi BNM untuk merangsang inovasi dalam sektor kewangan.

Katanya, mencerminkan komitmen BNM untuk meningkatkan kualiti, kecekapan dan akses yang mudah kepada perkhidma-

tan kewangan di Malaysia melalui pendekatan pengawalseliaan yang progresif dan responsif sekali gus menggalakkan nilai pembangunan teknologi.

"Bank mengalu-alukan komen bertulis daripada institusi kewangan yang dikawal selia dan orang ramai mengenai cadangan yang dinyatakan dalam kertas perbincangan selewat-lewatnya pada 30 Ogos ini dan boleh diemel kepada

fintech@bnm.gov.my," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sandbox membolehkan institusi kewangan yang dikawal selia dan syarikat fintech yang ingin menjalankan perniagaan dikawal selia oleh BNM membuat eksperimen dengan penyelesaian fintech dalam persekitaran pengeluaran atau keadaan sebenar, tertakluk kepada perlindungan dan keperluan pengawalseliaan.